

# PM tidak berhasrat temui pemimpin pembangkang Suu Kyi

KUALA LUMPUR 18 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan tidak akan menemui pemimpin pembangkang Myanmar, Aung San Suu Kyi sempena lawatan dua hari beliau ke negara itu bermula hari ini.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak mempunyai hasrat berjumpa dengan pemimpin Parti Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD) itu.

Sebaliknya, tegas beliau, lawatannya ke Myanmar bertujuan meningkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

“Saya tidak berhasrat bertemu beliau (Suu Kyi) pada waktu ini. Ia (lawatan) hanya untuk mengukuhkan hubungan dua hala,” katanya kepada pemberita selepas melepaskan para peserta pusingan akhir Kejohanan Bot Laju F1 Dunia Malaysia di Mines Resort City, Seri Kembangan dekat sini.

Perdana Menteri ditanya sama ada beliau akan menemui Suu Kyi yang se-

dang menghadapi konflik dengan junta tentera pimpinan Perdana Menteri yang juga Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara (SPDC) Myanmar, Jeneral Kanan Than Shwe.

NLD, pimpinan Suu Kyi, 56, anak arkitek kemerdekaan Myanmar, menang besar pada pilihan raya umum 27 Mei 1990 dan berupaya membentuk kerajaan.

Sungguhpun mendapat mandat rakyat, pemerintah junta tentera enggan menyerahkan kuasa kepada Suu Kyi.

P&a pemimpin NLD yang menang dalam pilihan raya itu kemudiannya ditahan dan sesetengahnya melarikan diri untuk hidup dalam buangan di negara asing.

Suu Kyi sendiri, dikenakan tahanan dalam rumah selama beberapa tahun sehinggalah dibebaskan oleh junta tentera pada 6 Ogos tahun lepas.

Ketika ini, rundingan untuk menyelesaikan konflik antara junta tentera

dan Suu Kyi dikendalikan oleh Utusan Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke Myanmar yang juga rakyat Malaysia, Tan Sri Razali Ismail.

Sempena lawatan Dr. Mahathir, Malaysia dan Myanmar dijangka menandatangani dua memorandum persefahaman (MoU) melibatkan perdagangan.

Dr. Mahathir melakukan lawatan pertama beliau ke Myanmar pada Mac 1988 diikuti pada Mac 1998 dan sekali lagi pada Januari tahun lepas.

Lawatan Perdana Menteri kali ini, yang diiringi oleh Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, adalah atas jemputan dan sebagai lawatan balas Than Shwe.

Than Shwe melawat Malaysia pada September tahun lepas. Beliau juga pernah melawat Malaysia pada Ogos 1996 dan Disember 1997.